

19/06/1999

Kelab Umno puas hati

Kelab Umno di luar negara berpuas hati dengan penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu semasa termasuk kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sebelum ini mengelirukan mereka.

Pengerusi Kelab Umno United Kingdom dan Eire, Mohd Nazir Musa, berkata maklumat secara terus dari negara penting dalam usaha menyebarkan perkara yang tepat dan jelas.

Menurutnya, bagi membolehkan maklumat jelas dapat disebarkan kepada pelajar luar negara yang lain, Kelab Umno akan menggunakan kemudahan teknologi maklumat (IT).

"Kekurangan maklumat di kalangan pelajar di luar negara menimbulkan kekeliruan mengenai perkara yang sebenar.

"Pelajar di sana banyak mendapatkan maklumat negara dari Internet yang kadang-kala tidak tepat," katanya kepada pemberita selepas menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, penubuhan pusat komputer di cawangan Umno luar negara adalah langkah terbaik dalam usaha membantu mereka mendapat maklumat yang tepat.

"Dari segi sumber mendapatkan maklumat, kami sedar tidak macam dulu kerana sebelum ini pegawai boleh datang dan melawat dan memberi penerangan. Jadi apabila berlaku pertelingkahan maklumat yang tepat mudah diperolehi," katanya.

Sementara itu, wakil Kelab Umno Medan, Mohd Rashid Ali berkata tugas pelajar di luar negara adalah memberi tumpuan kepada pelajaran.

"Kita sebagai anak Melayu, perlu membalas pengorbanan mereka yang memberi peluang kita belajar di luar negara," katanya.

Mengenai isu Anwar, beliau berkata Dr Mahathir tidak akan membuat keputusan tanpa bukti yang kukuh.

Wakil Kelab Umno Chicago, Asrul Datuk Abu Hasan berkata penerangan yang diberikan Dr Mahathir dalam ucapannya hari ini memperjelaskan apa yang mengelirukan mereka selama ini.

Wakil Kelab Umno Jordan, Muhamad Halim Ramlee pula berkata, beliau lega dengan penjelasan PM berhubung isu yang selama ini mengelirukan kebanyakan pelajar di luar negara.

"Kami kini lebih yakin dan akan terus menyokong dan mendokong wawasan Perdana Menteri," katanya.

Menurut beliau, Kelab Umno Jordan akan bertindak sebagai Majlis Penerangan Bergerak bagi menjelaskan apa sebenarnya berlaku.

(END)